# TATABAHASA

Kata Nama

Kata Nama Khas

Kata Nama Am

## Kata Nama Am

Kata nama am digunakan untuk menamakan manusia, benda, haiwan, tumbuhan dan lain-lain secara umum.

Kata nama am ditulis dengan huruf kecil, kecuali pada awal ayat.

| Kata Nama Am | Contoh kata nama am |
|---|---|
| manusia | pelajar, guru, ibu, bapa, adik, doktor, kakak, nenek, polis, askar |
| benda | baju, beg, cincin, cermin, buku, jam, pensel, telefon |
| haiwan | kucing, ayam, tikus, harimau, arnab, gajah, tupai, singa |
| tempat | sekolah, hospital, rumah, hotel, balai, kantin, kelas, padang, pantai, pejabat pos |
| tumbuhan | mawar, padi, rumput, betik, kelapa |
| lain-lain | bintang, bulan, matahari, cahaya |

LIVEWORKSHEETS

## Kata Nama Khas

Kata nama khas digunakan untuk menamakan manusia, benda, haiwan, tempat, tumbuhan dan konsep secara khas.

Huruf awal kata nama khas ditulis dengan huruf besar.

| Kata Nama Khas | Contoh kata nama khas |
|---|---|
| manusia | Jabir, Encik Muaz, Puan Tasneem, Cikgu Aminah |
| benda | Benz, Nokia, Mazda, Panasonic |
| haiwan | Sang Kancil, Sang Belang, Si Jalak, Raja Rimba, Si Comel |
| tempat | Sekolah Kuruchonpattana, Kampung Poseng, Yala, Thailand |
| konsep | Aidilfitri, Maulidurrasul, Kuruchon Game |

## Latihan

**Gariskan kata nama am dan kata nama khas yang ada dalam ayat di bawah ini.**

1. Abang Lina bekerja di Hotel Yala Rama.
2. Kawan saya belajar di Sekolah Haji Harun, Yala.
3. Komputer Lina yang baru dibeli itu berharga 20,000 Bath.
4. Cerita yang terbaik "Nabi Yusuf" itu sungguh menarik.
5. Semua murid akan berhimpun di dewan pada hari Jumaat.



Nama..... Nombor.....

LIVEWORKSHEETS